



Analisis Hukum Bagi Aktiviti dan Pakej Memancing di Kolam Berbayar

Legal Analysis of Fishing Activities and Packages in Paid Pools

MOHD MUSA SARIP

(Corresponding Author)

Jabatan Syariah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),
Bangi Selangor
mmusa@kuis.edu.my

AHMAD MURSHIDI MUSTAPHA

Akademi Pengajian Islam Kontemporari
Universiti Teknologi Mara (UITM), Machang Kelantan
ahmadmurshidi@uitm.edu.my

MOHD ROFAIZAL IBHRAIM

Jabatan Syariah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),
Bangi Selangor
mohdrofaizal@kuis.edu.my

**Isu-isu
Kontemporari
dalam Fiqh**

32

Submitted: 23 September 2021

Revised: 21 October 2021

Accepted: 27 October 2021

E-Published: 31 October 2021

ABSTRAK

Kolam memancing berbayar menjadi tumpuan pemancing untuk menjalankan hobi mereka. Pelbagai aktiviti dan pakej memancing yang disediakan oleh pengusaha kolam untuk menarik minat kaki pancing. Terdapat juga pengusaha kolam pancing yang menjanjikan hadiah lumayan yang mengandungi unsur keraguan dari sudut pandangan Syariah. Ada juga pakej memancing yang mengenakan bayaran tertentu mengikut berat ikan yang berjaya dinaikkan oleh pemancing. Selain itu juga pengendalian kolam memancing seperti tempoh masa berada di kolam dan jumlah ikan yang dilepaskan dalam kolam, hasil tangkapan yang diperolehi tidak menjadi milik pemancing dan seumpamanya perlu kepada penilaian daripada perspektif Syariah. Beberapa fatwa telah dikeluarkan dalam mengharuskan hukum memancing di kolam berbayar dan juga hukum pertandingan memancing dengan syarat mematuhi garispanduan syariah. Namun masih banyak aktiviti dan pakej yang berlaku di kolam memancing berbayar yang memerlukan kepada penentuan hukum yang sesuai. Justeru, kajian ini akan mengenalpasti aktiviti dan pakej memancing yang ditawarkan oleh pengusaha kolam berbayar dan mengkaji kedudukannya berdasarkan perspektif Syariah. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan





pengumpulan data secara temubual dan sumber sekunder yang berautoriti. Analisis yang dijalankan adalah secara analisis kandungan. Dapatan yang diperolehi boleh dijadikan sebagai panduan dalam meletakkan cadangan penyelesaian Syariah untuk aktiviti-aktiviti memancing di kolam berbayar dan membuka ruang kajian yang lebih terperinci dalam isu-isu yang dibincangkan. Ini juga akan membantu para pengusaha kolam pancing berbayar dan kaki pancing untuk lebih berhati-hati dengan pakej dan aktiviti memancing yang menyalahi syarak. Penetapan fatwa juga boleh dipertimbangkan oleh institusi fatwa untuk menjelaskan hukum yang berkaitan memancing secara terperinci.

Kata Kunci: Muamalah, Pakej Memancing, Kolam Memancing Berbayar

ABSTRACT

A paid fishing pond captures many anglers' attentions to pursue their hobbies. The pool entrepreneurs provide various activities and fishing packages to attract angler's interest. There are some fishing pond entrepreneurs who promise lucrative prizes that contain elements of doubt from a Shariah point of view. There are also fishing packages that charge a certain fee upon the weight of the caught fishes by the angler. Apart from that, the operation of the fishing pond such as the length of time and the number of fish released in the pond where obviously the catch obtained does not belong to the angler where it needs to be evaluated from a Shariah perspective. Several fatwas have been issued requiring the law of fishing in paid ponds as well as the law of fishing competitions where they should comply with sharia guidelines. Yet there are still many activities and packages in paid fishing ponds that require the appropriate legal determination. Thus, this study will identify the fishing activities and packages offered by paid pond entrepreneurs and examine its position based on the Shariah perspective. This study is qualitative in nature with data collection by interviews and authoritative secondary sources. The analysis conducted is by employing content analysis. The findings obtained can be used as a guide in laying out the proposed Shariah solutions for fishing activities in paid ponds and open a more detailed study space in the issues discussed. This will also help paid fishing pond entrepreneurs and anglers to be more careful with illegal fishing packages and activities. The stipulation of fatwas can also be considered by fatwa institutions to explain the laws related to fishing in detail.

Keywords: Muamalah, Fishing Packages, Paid Fishing Ponds

PENGENALAN

Di Malaysia secara khususnya, kewujudan kolam memancing berbayar merupakan inisiatif kepada aktiviti memancing di sungai, laut dan seumpamanya. Kedudukan kolam yang strategik dan selesa menjadi pilihan para pemancing untuk menjalankan hobi mereka di samping menjadi satu ruang penjana ekonomi kepada sesetengah pengusaha kolam. Pakej-pakej yang disediakan menjadi tarikan kepada para pemancing untuk memilih kolam tertentu. Namun setiap pakej yang terdapat di kolam



memancing perlu diselaraskan dengan pandangan syarak supaya tidak wujud unsur-unsur yang dilarang.

Menurut Izharuddin Shah (2019), pemancing yang memancing adalah atas sebab tertentu dan bukannya semata-mata untuk mendapatkan ikan. Sesetengah daripada mereka ingin berekreasi walaupun pada zahirnya ikan adalah benda yang mereka buru. Rekreasi yang dimaksudkan termasuklah ketenangan, menikmati alam sekitar, untuk bersama rakan selain daripada keseronokan mendaratkan ikan. Pemancing akan cuba mendapatkan ketenangan semasa memancing dengan merehatkan badan dan minda, iaitu fizikal dan mental. Di negara Amerika Syarikat dan Australia, telah menjadi kebiasaan bagi rakyatnya untuk keluar memancing pada hujung minggu bersama rakan atau ahli keluarga. Kajian mendapati aktiviti rekreasi dapat mengurangkan stres atau depresi, mengurangkan obesiti dan penyakit kritikal lain seperti; serangan jantung, tekanan darah tinggi, diabetes, dan osteoporosis.

Dengan perkembangan kolam-kolam pancing ini, beserta kepelbagaian pakej yang ditawarkan, semestinya akan melibatkan perbincangan hukum hakam dalam kalangan ilmuan Islam kontemporari. Ini bagi membantu masyarakat Islam secara khususnya untuk memahami dan menggunakan pakej-pakej tersebut yang bersesuaian dengan apa yang telah digariskan oleh Islam. Walaubagaimanapun, terdapat masih banyak pakej-pakej aktiviti yang dijalankan di kolam memancing berbayar yang memerlukan kepada penilaian hukum yang tepat bersesuaian dengan realiti yang berlaku. Isu-isu fiqh wujud dari awal pembayaran masuk yang ditetapkan oleh pengusaha kolam pancing sehinggalah kepada aktiviti dalaman seperti pertandingan, konsep hasil tangkapan dan seumpamanya. Justeru kajian ini akan membincangkan beberapa pakej dan aktiviti yang disediakan di kolam pancing berbayar dan menganalisis hukum yang berkaitan dari sudut pandangan syarak. Dalam masa yang sama perlunya alternatif yang sesuai menurut perspektif syarak untuk mengendalikan pakej-pakej dan aktiviti tersebut.

AKTIVITI DAN PAKEJ MEMANCING DI KOLAM BERBAYAR

Menurut Amirul Azhar (2019), kolam pancing berbayar juga dikenali sebagai kolam pancing komersil. Kolam pancing komersil ini terbahagi kepada dua kategori iaitu kolam air masin dan kolam air tawar. Kedua-dua kolam pancing tersebut mengamalkan konsep yang berbeza antara satu sama lain, namun tidak terlalu ketara. Kolam pancing air tawar mempunyai beberapa konsep iaitu konsep berlauk, pancing dan timbang, bayar balik duit ikan, *ranking* dan *jackpot* serta konsep tangkap dan lepas. Konsep ini juga terdapat di kolam pancing air masin namun terdapat sedikit kelainan daripada aspek pelaksanaannya. Umumnya, konsep-konsep tersebut digunakan dalam aktiviti memancing sama ada di kolam air tawar dan kolam air masin. Terdapat juga beberapa perbezaan lain di antara kedua-dua kolam tersebut yang menjadi pilihan kaki-kaki pancing. Antaranya ialah jenis-jenis ikan yang dilepaskan dan bayaran yuran masuk. Di kolam pancing air masin, bayaran yuran masuk kebiasaannya lebih mahal berbanding kolam pancing air tawar (Syed Abdul Aziz: 2019). Antara daripada aktiviti dan pakej yang wujud di kolam berbayar ialah:

1) Bayaran Masuk Kolam

Bayaran masuk adalah berbeza bagi setiap kolam berdasarkan penetapan kadar khusus oleh pengusaha kolam. Bayaran juga bergantung kepada jenis kolam sama ada kolam air tawar atau kolam air masin. Menurut Syed Abdul Aziz (2019), terdapat bayaran di kolam air tawar sebanyak RM 10.00 untuk tempoh dua jam ataupun RM 20.00 untuk tiga jam. Bayaran masuk di kolam air masin pula RM 40.00 untuk tempoh tiga jam. Kadar ini adalah kebiasaan yang digunapakai tetapi ianya bukan kadar tetap kerana bergantung kepada tempat dan pengusaha kolam masing-masing. Di sesetengah kolam pancing, kadar bayaran yuran masuk tidak sama mengikut waktu, kuantiti ikan dan jenis ikan. Waktu malam lebih mahal berbanding waktu siang. Perbezaan harga adalah kerana dilepaskan jumlah ikan yang lebih banyak dan juga ikan-ikan tertentu yang istimewa. Bayaran masuk juga dibuat dalam bentuk permit harian atau bulanan. Bayaran permit harian kebiasaan adalah kadar tetap yang dikenakan bagi setiap kali pemancing masuk memancing di kolam tersebut. Bagi bayaran permit bulanan, kebiasaannya disediakan bagi pemancing yang kerap memancing di sesebuah kolam. Keistimewaan permit bulanan ini adalah lebih murah dan berbaloi jika dibandingkan dengan permit harian bagi mereka yang kerap memancing di kolam tersebut. Selain daripada itu juga, sesetengah pengusaha kolam pancing menyediakan pas keahlian sebagai galakkan dan tarikan kepada pemancing untuk memancing di kolam mereka. Diskaun tertentu diberikan berdasarkan penetapan oleh pengusaha.

Bagi pemancing yang membawa kanak-kanak, kebiasaan kolam pancing menetapkan bayaran yang khusus. Namun terdapat juga bayaran bagi kanak-kanak yang sama dengan bayaran dewasa. Pemancing dibenarkan masuk dan memancing selama beberapa jam dan sekiranya memperolehi ikan ketika memancing maka ikan tersebut dikira sebagai miliknya. Konsep ini dikenali juga dengan kolam pancing 'berlauk', yang mana pemancing dikenakan bayaran yuran memancing dan hasil tangkapan boleh dibawa pulang. Di kolam ini, terdapat jumlah pelepasan ikan secara berperingkat-peringkat. Bayaran ikan adalah berbeza-beza bergantung kepada jenis ikan dan berat ikan yang diperolehi (Tazarul Tamsir, 2020). Pengunjung boleh mengetahui waktu pelepasan tersebut dan jumlah ikan berdasarkan maklumat daripada pengusaha kolam. Namun terdapat juga di sesetengah kolam yang tidak memaklumkan jumlah pelepasan ikan tetapi hanya dinyatakan waktu pelepasan sahaja. Pengunjung yang memancing di kolam jenis ini tidak dibenarkan melepaskan kembali ikan yang diperolehi dan ikan tersebut dikira menjadi milik mereka. Kadar bayaran sebagai contoh satu joran RM 3.00 pada waktu siang dan RM 5.00 pada waktu malam dan masa keberadaan di kolam adalah tidak terhad. (Zulkifli, 2020). Semua ini bergantung kepada pengusaha kolam sebagai inisiatif untuk menarik pengunjung.

Kadar bayaran masuk bagi kolam-kolam pancing adalah berbeza mengikut penetapan oleh pengusaha kolam. Menurut Zulkifli (2020), masa keberadaan ditetapkan dalam tempoh tertentu dengan kadar bayaran masuk, namun terdapat juga pengusaha kolam yang tidak menetapkan tempoh masa keberadaan.



Sesetengah pengusaha kolam pula menetapkan tambahan bayaran bagi tambahan masa keberadaan. Selain itu, terdapat juga perbezaan bayaran masuk bagi kolam pancing dan lepas serta kolam pancing dan timbang. Faktor saiz dan jumlah ikan di kolam pancing dan lepas mempengaruhi bayaran masuk tersebut.

2) Pertandingan Di Kolam Memancing

Pertandingan adalah salah satu aktiviti yang lazim di setiap kolam memancing sebagai tarikan kepada para pemancing. Setiap pertandingan akan disertakan dengan hadiah dan kebiasaannya adalah hadiah berbentuk wang tunai. Bentuk pertandingan yang ditawarkan juga adalah berbeza-beza sebagai tarikan tersendiri daripada pengusaha kolam. Bentuk hadiah pertandingan seperti menawarkan sejumlah wang tertentu kepada pemenang. Jumlah hadiah boleh mencapai puluhan ribuan ringgit dan ini menarik minat penyertaan para pengunjung kolam tersebut (Tazarul Tamsir, 2020). Syarat untuk memenangi pertandingan memancing iaitu berat ikan yang diperolehi dan *boll* dalam mulut ikan. Pemenang pertandingan ini ialah pemancing yang berjaya menaikkan ikan dengan kedudukan mata kail berada dalam mulut ikan tersebut. Kedudukan mata kail akan dinilai beserta dengan berat ikan yang diperolehi. Berat ikan tersebut akan menentukan sama ada '*boll* penuh' ataupun '*boll* tidak penuh' (Amang: 2018).

Bentuk pertandingan lain bagi menarik para pengunjung dengan mengadakan *ranking* dan *jackpot*. Di sini para pemancing tidak dibenarkan membawa pulang hasil tangkapan dan dikenakan bayaran yuran memancing. Sekiranya jumlah berat ikan yang diperolehi adalah yang terberat atau mencapai sasaran yang ditetapkan, bonus atau hadiah wang tunai akan diberikan mengikut kadar tertentu. Bentuk permainan seperti ini juga dinamakan dengan nama '*salam sepuluh*', yang mana para pemancing yang ingin menyertai hendaklah membayar RM 10.00 dan ikan yang paling berat yang diperolehi akan dikira sebagai pemenang. Pemenang tersebut akan mengambil keseluruhan jumlah wang yang telah terkumpul (Tazarul Tamsir, 2020).

Kadar bayaran masuk kolam pancing kebiasaannya adalah tetap melainkan pada hari yang diadakan pertandingan. Harga pada ketika itu akan dinaikkan dan berbeza daripada harga waktu biasa. Dalam aspek pertandingan memancing di kolam pancing berbayar ini, para pengusaha akan menawarkan bentuk hadiah yang pelbagai. Antaranya seperti tawaran hadiah sebanyak RM 10 000 kepada pemenang dengan dikenakan bayaran masuk beserta dengan joran sebanyak RM 50.00. Pertandingan tersebut dihadkan masa sekitar dua jam. Pemenang akan diputuskan berdasarkan kepada berat ikan yang diperolehi dan hadiah kebiasaan adalah daripada hasil kutipan bayaran masuk peserta (Syed Abdul Aziz: 2019).

3) Memancing Menggunakan Umpan Hidup

Faktor pemilihan umpan ketika memancing memberi kesan kepada pemancing untuk memperolehi ikan. Umpan hidup dan umpan buatan antara daripada pilihan pemancing sama ada dilihat pada kos umpan ataupun jenis ikan yang ingin



dipancing. Menurut Paris Siswoko et.al (2013), umpan buatan memberi impak yang besar kepada perolehan ikan yang ingin dipancing. Hal ini juga bergantung kepada bentuk dan warna umpan buatan tersebut. Namun, penggunaan umpan hidup atau umpan alami masih diterima pakai oleh pemancing kerana kesesuaian tempat memancing dan ikan yang dipancing. Umpan buatan semakin digemari oleh pemancing kerana bentuk dan ragamnya yang pelbagai. Teknik dalam menggunakan umpan buatan dikenali sebagai *casting*.

Menurut Amang (2021), antara jenis-jenis umpan hidup yang digunakan adalah terdiri daripada jenis ikan pelagik. Ikan pelagik seperti kembung, pelaling, selayang, selar, selar pucat, tamban beluru, tamban sisik, dan lolong mudah ditemui di kawasan unjam dan perairan tempatan. Selain daripada itu, sotong, anak kerisi, kacang-kacang atau alu-alu kecil dan tongkol kecil juga boleh digunakan sebagai pilihan untuk dijadikan umpan.

4) Hobi Memancing

Kajian mendapati bahawa pemancing keluar memancing atas tujuan atau sebab tertentu. Menurut Fedler dan Ditton (1994), tujuan pemancing keluar memancing bukanlah semata-mata untuk mendapatkan ikan, tetapi untuk berekreasi. Walaupun ikan adalah objek yang diburu, namun tujuan lain mereka juga adalah untuk mendapatkan rekreasi seperti ketenangan, menikmati alam sekitar dan untuk bersama rakan selain keseronokan mendaratkan ikan. Pemancing akan cuba mendapatkan ketenangan semasa memancing dengan merehatkan badan dan minda, iaitu fizikal dan mental. Mereka juga dapat lari dari rutin kehidupan harian.

Ada juga pendapat menyatakan bahawa aktiviti memancing dapat mengurangkan kos perbelanjaan negara, iaitu kos rawatan pesakit di klinik dan hospital awam. Mereka yang terlibat dengan aktiviti memancing adalah orang yang sihat dari segi mental dan fizikal. Mereka kebiasaannya adalah orang yang lasak dan tinggi daya tahan penyakit. Sekaligus mereka kurang ke klinik dan hospital awam untuk mendapatkan rawatan. Perkara ini ada dinyatakan dalam kajian rekreasi oleh California State Park pada tahun 2005. Aktiviti ini menjadi hobi masyarakat kini dalam skop masing-masing sama ada sebagai rekreasi ataupun memancing itu sendiri.

5) Pancing Dan Lepas (*Catch & Release*)

Terdapat sesetengah kolam air masin yang menetapkan supaya ikan yang diperolehi mesti dilepaskan kembali ke dalam kolam. Pakej ini seumpama memberi ruang kepada pemancing untuk melaksanakan hobi mereka semata-mata dengan kepuasan mendapat dan menaikkan hasil tangkapan. Bayaran yang dikenakan oleh pengusaha juga berbeza-beza kerana ikan yang dilepaskan di dalam kolam tersebut kebiasaannya adalah jenis ikan yang besar dan sukar untuk diperolehi (Tazarul Tamsir, 2020). Pakej ini lebih kepada bentuk konsep '*sport fishing*' yang mana pemancing akan dikenakan bayaran tertentu untuk memancing ikan sukan atau game fish dan tidak akan mendapat apa-apa imbuhan.

6) Pancing, Timbang dan Bayar

Antara pakej memancing yang ditawarkan ialah hasil tangkapan yang diperolehi pemancing ditimbang kemudian dibayar dengan nilai yang telah ditentukan kadarnya. Pemancing mesti membeli atau membayar harga ikan yang dipancingnya mengikut kadar harga yang ditetapkan oleh pengusaha kolam. Isu yang timbul di sini ialah wujudnya syarat bahawa pemancing perlu membeli dan membayar harga ikan yang dipancingnya sedangkan ikan tersebut berkemungkinan tidak menjadi pilihan pemancing. Namun, menurut Zulkifli (2020), ikan yang disediakan di kolam ini kebiasaan dalam lingkungan saiz tertentu dan ditentukan jenis-jenisnya. Pemancing sudah mengetahui jenis ikan dan kadar berat yang biasanya di bawah daripada dua kilogram. Ikan-ikan yang diperolehi akan diserahkan kepada pihak pengusaha untuk ditimbang dan ditetapkan bayaran. Kadar bayaran adalah bergantung kepada jenis ikan.

ANALISIS HUKUM DALAM AKTIVITI DAN PAKEJ MEMANCING

Hukum berkaitan dengan memancing mengikut sesetengah agamawan ataupun tokoh-tokoh tertentu mewujudkan perselisihan pendapat yang pelbagai. Ada yang mengharamkan apa sahaja jenis bentuk memancing kerana mempunyai unsur menyakiti dan menzalimi ikan. Terdapat juga pendapat yang terlalu ringan dalam aktiviti memancing sehingga mengeluarkan pendapat yang banyak mengharuskannya. Hal ini menimbulkan kekeliruan dalam masyarakat sama ada dalam kalangan pengusaha kolam ataupun kaki pancing yang mementingkan hukum hakam yang tepat dalam melakukan sesuatu perkara. Di peringkat pematwaan di Malaysia, hanya terdapat beberapa fatwa sahaja yang berkaitan dengan aktiviti memancing dan hal ini belum lagi menyeluruh terutamanya dalam konteks semasa yang berlaku di kolam memancing berbayar. Aktiviti dan pakej-pakej memancing yang ditawarkan di kolam berbayar perlu kepada penilaian yang menepati Syariah supaya pengusaha dan pemancing yang muslim secara khususnya terjaga daripada unsur-unsur yang diharamkan dalam Islam. Justeru, perbincangan hukum akan diutarakan di sini terutamanya dalam konteks pakej dan aktiviti memancing yang telah dinyatakan. Kajian akan mengemukakan pendapat-pendapat para ulama secara terfokus dengan isu beserta beberapa keputusan fatwa yang berkaitan sebagai panduan.

1. Bayaran Masuk Kolam

Hukum bayaran masuk dengan bertempoh seperti RM 10.00 selama sejam, dikira sebagai haram. Ini kerana ketidakadilan di sebelah pihak akan berlaku sama ada pengusaha atau kaki pancing. Kemungkinan terdapat kaki pancing yang masuk dalam tempoh tersebut tetapi tidak memperolehi sebarang hasil dan mungkin terdapat juga kaki pancing yang akan memperolehi hasil yang banyak dalam tempoh yang singkat. Namun, hal tersebut dibolehkan sekiranya pengunjung ataupun kaki pancing yang masuk dan ikan yang diperolehi tersebut dijual dengan harga yang lebih murah (Azhar Idrus, 2012). Menurut Asri Zainal Abidin (2016), sekiranya



mengenakan bayaran atas dasar perbuatan memancing dengan bayaran tertentu dan salah satu daripada dua pihak akan mengalami kerugian, maka dikira sebagai haram kerana termasuk dalam aktiviti perjudian. Namun, sekiranya dikenakan bayaran untuk memasuki tempat memancing tersebut dengan bayaran tertentu, hal ini diharuskan pada syarak kerana termasuk daripada sewaan bagi tempat tersebut.

Bagi pakej bayaran masuk yang rendah dan ikan yang diperolehi perlu ditimbang dan dikenakan bayaran, ini jelas mengandungi unsur *gharar* yang ketara kerana tidak diketahui siapakah pemilik ikan yang sebenarnya. Sekiranya berat ikan kurang daripada 2 kilogram, pemancing membayar harga ikan kepada pemilik kolam, seolah-olah pemilik kolam adalah penjual yang merupakan pemilik kepada ikan yang berjaya dinaikkan. Namun, sekiranya berat ikan melebihi 2 kilogram, pemilik kolam akan membeli ikan tersebut daripada pemancing, seolah-olah pemancing adalah pemilik kepada ikan yang berjaya dinaikkan. Menurut Yahya (2018), memancing di kolam dengan bayaran ikan berdasarkan berat ikan adalah diharuskan. Namun sekiranya bayaran masuk kolam dikira atas jualan ikan yang akan diperolehi dan bayaran tersebut adalah kadar yang tetap, maka diharamkan. Ini kerana akan ada pemancing yang dapat jumlah ikan berbeza-beza tetapi dengan kadar bayaran adalah sama. Sekiranya akad tersebut adalah berdasarkan sewaan tempat maka diharuskan. Hadi Rofiee (t.t) berpendapat hukum memancing di kolam berbayar adalah diharuskan sekiranya bayaran yang dikenakan adalah atas sewaan ruang dan tempat. Namun masih terdapat *gharar* dalam pelaksanaan tersebut disebabkan jumlah ikan yang mungkin diperolehi adalah berbeza antara satu sama lain. Hal ini masih haruskan kerana *gharar* yang berlaku adalah *gharar* yang kecil. Menurut Asri Zainal Abidin (2014) pula, bayaran sewa untuk memancing diharuskan tetapi sekiranya bayaran memancing untuk ikan yang akan dipancing adalah haram kerana melibatkan unsur judi. Sekiranya bayaran masuk kolam dikira atas jualan ikan yang akan diperolehi dan bayaran tersebut adalah kadar yang tetap, maka diharamkan. Ini kerana akan ada pemancing yang dapat jumlah ikan berbeza-beza tetapi dengan kadar bayaran adalah sama. Sekiranya akad tersebut adalah berdasarkan sewaan tempat maka diharuskan (Yahya, 2018).

Jika yuran yang dikenakan oleh pengusaha kolam pancing ialah bayaran kepada ikan yang ada dalam kolam pancing maka hukumnya adalah jelas haram dan tertakluk kepada larangan menjual ikan di dalam air. Larangan ini disebabkan wujud unsur *gharar*. Hadis daripada Abu Hurairah yang bermaksud:

“Rasulullah s.a.w. menegah daripada jualan secara gharar”
(HR Imam Ahmad dan Muslim)

Gharar ialah kesamaran disebabkan wujud unsur ketidakpastian terhadap barang yang dibeli atau dijual dan boleh jadi kesamaran tersebut pada harga atau barang itu sendiri. Jika caj yang dikenakan ialah sebagai pertaruhan nasib selama memancing maka ia tetap haram kerana wujud unsur pertaruhan dari kedua-dua pihak. Pemancing mempertaruhkan sejumlah wang dan pengusaha mempertaruhkan ikan yang dilepaskan ke dalam kolam. *Gharar* ialah suatu yang tidak dapat dipastikan



wujud atau sebaliknya dan pembeli tidak dapat memastikan dapat atau tidak barang yang dibelinya. Akad jual beli atau sewa atas barangan yang tidak pasti tergolong dalam jenis *qimar* iaitu pertaruhan dan perjudian kerana satu pihak beroleh untung atas kerugian yang ditanggung pihak lain (Hammad, 2008).

Dalam hal ini jika caj yang dikenakan ialah ke atas ikan maka orang yang membayar belum pasti mendapat ikan atau tidak dan berapa jumlah ikan yang bakal diperolehinya. Menurut pendapat lain, yuran atau bayaran yang dikenakan ialah bayaran sewaan ke atas perkhidmatan yang disediakan mengikut tempoh tertentu seperti tempat letak kereta, pondok, tandas dan termasuklah kolam memancing sebagaimana dakwaan sesetengah pihak. Alasan ini ialah bahawa pengusaha kolam tidak menjual ikan sebaliknya menyewakan kemudahan untuk memancing di tempat yang disediakan. Situasi ini sama dengan menyewa joran untuk memancing kerana joran yang disewakan tiada kaitan dengan hasil memancing. Perbandingan lain ialah menyewa bot untuk mencandat sotong atau memancing ikan di laut. Wang yang dibayar ialah perkhidmatan bot termasuk tekong dan juga pembantu yang tiada kaitan dengan hasil tangkapan. Caj yang dikenakan merupakan bayaran sewa atau kontrak ijarah yang dikenakan kepada pemancing mengikut jam dan caj ini tidak bercanggah dengan hukum syarak.

Berkaitan dengan kad keahlian yang ditawarkan oleh sesetengah penguasaha kolam, beberapa perkara perlu dipertimbangkan. Sekiranya kad tersebut diberikan secara percuma iaitu tanpa bayaran pendaftaran atau yuran tahunan serta tidak dikenakan syarat-syarat lain, maka hukumnya adalah harus. Tetapi jika kad dikenakan bayar sama ada bayaran pendaftaran atau yuran tahunan, terdapat pandangan yang tidak mengharuskannya kerana wujud unsur *gharar*. Ini kerana, pemancing akan rugi sekiranya tidak menggunakan perkhidmatan yang ditawarkan dan tidak memperolehi diskaun tersebut. Ada pandangan yang mengharuskan sekiranya cas yang dikenakan adalah minimum seperti RM10.00 dan ia termasuk dalam *gharar* kecil yang dimaafkan dengan syarat pengeluar kad tidak membuat keuntungan besar secara jelas dari bayaran yang dikenakan.

Menurut pandangan pengkaji, *gharar* kecil yang diharuskan ialah *gharar* yang tidak dapat dielakkan. Pemilik kolam mengenakan caj sewa yang tinggi pada masa-masa tertentu kerana jumlah ikan yang dilepaskan lebih banyak berbanding masa-masa lain, menunjukkan bahawa caj yang dikenakan adalah berdasarkan ikan yang menjadi tujuan utama memancing bukan memancing untuk tujuan hobi sahaja dan ia termasuk dalam *gharar* yang jelas. Penetapan cas bayaran sewa kolam memancing berdasarkan jumlah joran yang dibawa oleh pemancing menunjukkan bahawa sewa yang dikenakan adalah berkaitan rapat dengan ikan yang dilepaskan yang menentukan untung rugi pemilik kolam. Untuk mengelakkan berlakunya *gharar* besar, pengusaha kolam memancing perlu menyediakan jumlah ikan yang cukup mengikut jumlah pemancing. Menurut pandangan ini, *gharar* besar mungkin berlaku jika tidak ada seorang pun pemancing mendapat hasil setelah berjam-jam memancing kerana boleh jadi ikan yang tidak cukup seperti hanya 2-3 ekor sahaja sedangkan pemancing



ramai. Menurut pandangan ini, *gharar* besar hanya berlaku jika majoriti pemancing merasa tertipu (<https://www.facebook.com/muamalat.my>).

2. Pertandingan Di Kolam Memancing

Haram sekiranya nilai hadiah yang ditawarkan adalah jumlah wang yang terkumpul dari penyertaan peserta atau pemancing. Bentuk pertandingan seperti ini, selain melibatkan unsur judi yang diharamkan, terdapat juga bentuk-bentuk penipuan semata-mata untuk mendapatkan hadiah seperti menipu timbangan, seludup ikan, ikan tambat, rasuah dan lain-lain (Amang: 2018).

Para fuqaha amat berhati-hati di dalam memberikan pendapat mengenai jenis pertandingan yang dibenarkan apabila ianya melibatkan hadiah kepada pemenang. Ini disebabkan terdapatnya dalil-dalil yang pada zahirnya menunjukkan bahawa hanya beberapa bentuk pertandingan tertentu sahaja dibenarkan di dalam Islam. Menurut al-Hattab (2010), larangan mengadakan pertandingan selain memanah, lumba kuda dan lumba unta adalah kerana tumpuan utama pada masa tersebut ialah jihad dan mereka tidak boleh lalai dengan pertandingan dan permainan yang tidak memberi manfaat peperangan kepada mereka. Antara lain yang menjadi asas kepada larangan permainan dan pertandingan adalah untuk menjauhkan manusia dari sifat leka sehingga meninggalkan tugas-tugas lain yang lebih penting.

Menurut pandangan Abu Hanifah hukum asal permainan adalah haram kecuali empat jenis sahaja iaitu lumba kuda, lumba unta, memanah dan permainan di antara suami isteri. Imam Malik mempunyai pandangan yang sama dengan imam Abu Hanifah. Imam al-Syafi'e pula tidak melarang permainan yang memerlukan pemainnya untuk berfikir, mengira dan merancang dan beliau hanya memakruhkannya sahaja dengan syarat tiada pertaruhan, percakapan yang buruk, atau melalaikan dari solat. Imam Ahmad mengharuskan seluruh bentuk permainan selagi tidak ada unsur pertaruhan harta, tidak mengandungi mudarat atau melalaikan dari melaksanakan tuntutan yang fardu.

Dalam sesuatu pertandingan, terdapat pertaruhan yang dilakukan. Hal ini antara yang menarik minat sesetengah golongan kerana melihat kepada pertaruhan yang akan mendatangkan keuntungan kepada mereka sekiranya memenangi pertandingan tersebut. Berdasarkan kepada pandangan mazhab al-Syafi'e, penawaran hadiah dalam pertandingan dan perlumbaan hanyalah diharuskan sekiranya pertandingan dan perlumbaan tersebut melibatkan perkara yang dianggap sebagai persediaan atau latihan untuk peperangan. Namun keharusan sesuatu pertandingan dan perlumbaan bukanlah semata-mata kerana perkara yang dipertandingkan termasuk dalam kategori persediaan peperangan atau tidak tetapi hanya keharusan untuk menawarkan hadiah (Al-Haithami, t.t). Terdapat juga pandangan dalam mazhab yang menyatakan bahawa perlumbaan (memanah atau berkuda) dan memanah tidak harus disertai oleh kaum wanita kerana mereka tidak dituntut untuk berperang (Al-Nawawi, 1991).



Segala bentuk pertandingan yang tidak dianggap sebagai persediaan dan latihan peperangan tidak harus dilakukan dengan hadiah seperti pertandingan berdiri di atas sebelah kaki, meneka bilangan barang dalam tangan sama ganjil atau genap, catur, *al-saulajan* iaitu membawa kayu yang berbentuk sedikit melekuk di hadapan untuk memukul bola sambil menunggang kuda (seperti polo) mempertandingkan burung merpati atau burung-burung lain, pertandingan lumba lari, gusti dan berenang kerana permainan-permainan ini tidak dianggap sebagai persediaan atau berguna dalam peperangan. Begitu juga dengan permainan-permainan yang berbahaya selagi diyakini selamat dan dilakukan oleh mereka yang benar-benar mahir (Al-Ramli, 2003). Fuqaha Mazhab Hanafi mengharuskan lumba lari dengan hujah bahawa Rasulullah S.A.W pernah berlumba lari dengan Aishah r.a (Al-Kasani, 1986). Terdapat pandangan yang berbeza di kalangan fuqaha mengenai pertandingan-pertandingan seperti lawan pedang, lumba kapal perang, gusti dan lain-lain dengan melihat sama ada pertandingan tersebut membantu latihan peperangan atau tidak.

Hadiah atau upah yang ditawarkan kepada pemenang dalam pertandingan hanya diharuskan sekiranya pertandingan tersebut mempertandingkan perlawanan perkara-perkara yang boleh membantu dalam peperangan seperti lumba kuda dan unta. Perlumbaan dan perlawanan yang tidak melibatkan perkara-perkara yang tidak dianggap sebagai persediaan peperangan seperti pertandingan berdiri di atas sebelah kaki, gusti tangan dan sebagainya adalah dilarang (Al-Khattabi, 1932). Isu hadiah yang diberikan kepada pemenang yang dapat menaikkan sejumlah berat tangkapan tertentu sekiranya diambil daripada kutipan bayaran peserta juga termasuk daripada hukum haram (Abdul Somad:2018).

Fatwa Jabatan Mufti Sabah iaitu Hukum Menyertai Pertandingan Memancing yang telah diwartakan pada 7 Disember 2017 (<http://e-smaf.islam.gov.my/>). Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah telah bersetuju memutuskan untuk diwartakan di Negeri Sabah bahawa:

- i. Hukum asal pertandingan memancing adalah harus selagi mana mematuhi garis panduan syariah.
- ii. Sekiranya hadiah ditaja oleh pihak ketiga yang tidak memasuki pertandingan maka ia adalah harus.
- iii. Sekiranya pertandingan tersebut mengambil yuran penyertaan bagi tujuan memberi hadiah kepada peserta, maka ia adalah haram kerana dikira sebagai *qimar* (judi) dan bertentangan dengan konsep *'iwad* (pulangan) iaitu hanya memberi manfaat kepada pemenang.
- iv. Mana-mana orang Islam yang ingin menganjurkan atau menyertai pertandingan memancing hendaklah memastikan ia bersih daripada sebarang unsur perjudian atau penipuan selaras dengan kehendak syarak.

Fatwa di Jabatan Mufti Kedah iaitu Isu Pertandingan Memancing Di Kolam Memancing telah diputuskan pada 2007 tetapi fatwa ini tidak diwartakan (<http://e-smaf.islam.gov.my/>). Menurut Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah, hukum pertandingan memancing di kolam memancing adalah harus sekiranya pengusaha kolam ikan atau penganjur pertandingan yang mengenakan yuran dengan kadar



tertentu kepada peserta pertandingan memancing. Kutipan wang tersebut digunakan untuk memberi hadiah kepada peserta yang memenangi pertandingan memancing termasuk juga untuk tujuan pengurusan kolam. Oleh itu, kutipan yuran pertandingan adalah milik pengusaha kolam atau penganjurnya. Tetapi sekiranya kutipan tersebut dibuat sesama peserta memancing dan menentukan sesiapa yang menang mendapat hadiah dan yang kalah tidak mendapat apa-apa dan wang penyertaan maka ini adalah tidak harus dan haram kerana ia termasuk dibawah *qimar* iaitu judi.

Fatwa daripada Jabatan Mufti Selangor juga membincangkan hukum menyertai pertandingan memancing yang dikenakan yuran penyertaan. Hukumnya adalah harus dan tidak dianggap sebagai satu perjudian kerana bayaran tunai tersebut merupakan bayaran terhadap penggunaan daripada segala bentuk perkhidmatan yang telah disediakan oleh pihak penganjur seperti kolam dan sebagainya. Selain daripada itu, Jabatan Mufti Wilayah menjelaskan kedudukan hadiah yang diberikan hasil daripada bayaran yuran adalah dilarang kerana termasuk daripada unsur pertaruhan (<https://muftiwp.gov.my/>). Untuk memastikan pemberian hadiah dalam mana-mana pertandingan, pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia telah meletakkan Garis Panduan Peraduan Berasaskan Hadiah. Beberapa unsur yang boleh membawa kepada haram perlu dihindari seperti eksploitasi, pertaruhan, pembaziran, kesamaran dan bergantung kepada nasib (<http://www.islam.gov.my/>). Secara umumnya, konsep pertandingan yang dibenarkan oleh syarak dapat difahami melalui fatwa-fatwa yang telah diputuskan tersebut.

Bagi pertandingan bentuk pakej *jackpot* dan *ranking*, ianya diragui statusnya pada perspektif syarak kerana seumpama menyamai konsep judi. Bentuk permainan seperti ini diletakkan dengan nama yang pelbagai sebagai menarik minat kaki pancing dengan bayaran terkumpul yang akan diperolehi nanti sekiranya mendapat ikan yang paling berat. Bentuk aktiviti tersebut adalah haram sekiranya nilai hadiah yang ditawarkan adalah jumlah wang yang terkumpul dari penyertaan peserta atau pemancing. Namun, sekiranya nilai hadiah adalah daripada pihak ketiga yang tidak terlibat secara langsung maka hukumnya adalah harus.

3. Memancing Menggunakan Umpan Hidup

Menurut Umar Mukhtar (2017), menggunakan umpan hidup daripada haiwan yang tidak haram dibunuh, seperti katak yang haram dibunuh berdasarkan nas, tetapi menggunakan udang atau ikan hidup, atau cacing, maka ini memerlukan perincian. Antara daripada pandangan yang dikemukakan ialah sebagaimana yang dinyatakan dalam kitab *Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah* iaitu:

"Jika diambil ikan itu secara hidup-hidup tidak boleh memakannya sehingga ia mati atau dimatikan, seperti mana yang disebut oleh Hanafiyyah dan Hanabilah. Dan dimakruhkan jika dimakan hidup-hidup kerana hal itu mengazab tanpa keperluan kerana ia mati dengan cepat justeru elok ditunggu sehingga mati dengan sendiri."



Beliau juga memetik pandangan Imam al-Nawawi dalam kitab al-Majmuk, iaitu:

“Kalau seseorang menelan seekor ikan hidup-hidup atau memotong sebahagian daripadanya kemudian memakannya maka terdapat dua wajah. Wajah yang asah ialah ianya makruh dan tidak haram, manakala pandangan yang kedua adalah haram sepertimana yang diputuskan oleh Abu Hamid”.

(Imam al-Ghazali)

Berdasarkan keterangan ini, diqiyaskan bahawa tidak haram menggunakan umpan udang hidup, atau cacing, tetapi makruh kerana demikian membuatnya mati dengan lambat namun atas keperluan yang betul yakni memburu ikan bagi tujuan makan atau tujuan lain yang halal. Ini kerana manusia adalah makhluk yang lebih mulia dan haiwan-haiwan lain diciptakan untuk kegunaan manusia jua. Firman Allah Taala dalam surah al-Jathiah ayat 13 yang bermaksud:

“Dan Ia memudahkan untuk (faedah dan kegunaan) kamu, segala yang ada di langit dan yang ada di bumi, (sebagai rahmat pemberian) daripadaNya; sesungguhnya semuanya itu mengandungi tanda-tanda (yang membuktikan kemurahan dan kekuasaanNya) bagi kaum yang memikirkannya dengan teliti”.

(Al-Jathiah, 45: 13)

Firman Allah Taala dalam surah al-Baqarah ayat 29 yang bermaksud:

“Dia lah (Allah) yang menjadikan untuk kamu segala yang ada di bumi”.

(Al-Baqarah, 2: 29)

Sebaiknya dibunuh dahulu udang atau cacing itu dengan cara yang ihsan seperti memotong pada bahagian yang kritikal, melemaskannya dan sebagainya. Pandangan lain berkaitan isu hukum menggunakan umpan benda hidup adalah harus jika itulah salah satu cara untuk mendapatkan ikan semasa mengail (<http://kemusykilan.islam.gov.my>). Pandangan hukum yang sama dalam isu ini yang mengatakan harus disertai dengan hujah lain iaitu asal bagi sesuatu perkara adalah harus (Luqman Makhtar: 2020).

4. Hobi Memancing

Menurut Amni Nur Baits (2014), hukum memancing sebagai hiburan iaitu salah satunya sebagai hobi dikira haram kerana terdapat unsur menzalimi binatang. Dalam konteks aktiviti berburu seperti menangkap ikan, ianya adalah dibenarkan berdasarkan al-Qur'an, Sunnah dan ijmak. Firman Allah SWT dalam al-Quran surah al-Maidah ayat 36 yang bermaksud:



“Dihalalkan bagimu binatang buruan laut dan makanan (yang berasal) dari laut sebagai makanan yang lazat bagimu, dan bagi orang-orang yang dalam perjalanan; dan diharamkan atasmu (menangkap) binatang buruan darat, selama kamu dalam ihram. dan bertakwalah kepada Allah yang kepadaNya kamu akan dikumpulkan”.

(Al-Maidah, 5: 36)

Sementara itu terdapat juga hadis-hadis Rasulullah SAW yang menyatakan perkara demikian seperti dalam adab-adab berburu. Antaranya terdapat lima hukum tentang berburu ini (Markaz al Fatwa, No. 20694):

- i. Pada dasarnya hukum berburu adalah harus.
- ii. Berburu boleh menjadi sunnah apabila bertujuan memenuhi keperluan keluarga yang bukan wajib atau tidak meminta-minta atau untuk disedekahkan.
- iii. Berburu boleh menjadi wajib apabila ditujukan untuk memenuhi keperluan keluarga yang wajib atau sejenisnya.
- iv. Berburu boleh menjadi makruh apabila hanya untuk bersuka-suka dan bermain-main sahaja.
- v. Berburu boleh menjadi haram apabila dilakukan dalam keadaan berihram atau di tanah haram atau melalaikannya daripada melakukan kewajipan.

Begitu pula dengan hukum berburu binatang laut atau memancing ikan maka boleh dimasukkan dalam lima hukum di atas. Memancing ikan jika dilihat sebagai aktiviti yang bersifat hobi, umumnya ia adalah diharuskan kerana haiwan diciptakan oleh Allah SWT untuk keperluan manusia, sama ada untuk dimakan atau untuk dijadikan peliharaan yang membantunya dalam kehidupan sehari-hari. Memancing tidak dianggap kejam ketika mendapatkan ikan dengan cara memancing. Walaupun kelihatan menyakiti ikan kerana menelan mata kail yang tajam. Sebab cara ini merupakan teknik kebiasaan untuk mendapatkan ikan.

5. Tangkap dan Lepas (*Catch & Release*)

Menurut Yahya (2018), sekiranya memancing untuk memperolehi ikan dengan bayaran per kilogram maka diharuskan kerana telah ditetapkan harga bagi sekilo ikan yang diperolehi. Adapun memancing di kolam memancing dan ikan yang diperolehi bukan untuk dimilikinya iaitu atas dasar keseronokan memancing sahaja, maka hukum di sini perlu dikaji mendalam. Adakah ianya sama dengan menangkap binatang lain dan kemudian melepaskannya kembali tanpa ada unsur kesakitan atau menzalimi atau ada unsur tersebut. Aktiviti seumpama ini di kolam memancing ialah tangkap dan lepas (*catch and release*). Terdapat komentar hukum bagi aktiviti seumpama ini yang mengatakan sekadar makruh kerana membuang masa dan menyiksa binatang tersebut. Dalam konteks ini juga, pengusaha kolam secara khusus atau pihak berkuasa mungkin ingin menjaga populasi dan kepupusan ikan. Hal ini berbeza bagi tangkap dan bunuh (*catch and kill*), kerana ini melakukan pembunuhan terhadap binatang tanpa sebab (Amang, 2019).



M. Abdul Wahab (2019) juga memberi komentar berkaitan isu tangkap dan lepas (*catch and release*) melalui pendapat-pendapat para ulama. Kebanyakan mereka mengatakan makruh kerana atas dasar tidak memanfaatkan hasil tersebut dan menyakiti binatang, antaranya seperti pendapat daripada Ibn Taimiyyah. Manakala bagi Ibn Hajar al-Asqalani hal ini adalah haram sekiranya tidak ingin mengambil manfaat daripada hasil tangkapan tersebut dan termasuk daripada melakukan kerosakan terhadap alam. Memancing cara tangkap dan lepas ini sebenarnya tidak memanfaatkan hasil tangkapan dan boleh diqiaskan kepada memburu secara suka-suka atau sekadar berseronok sahaja. Ini bersandarkan kepada hadis yang melarang menyiksa haiwan. Ukuran penyiksaan atau memudaratkan pada ikan boleh berlaku melalui mata kail, tarik ikan dan teknik pancingan seperti *casting*, *bottom* dan pelampung.

Bagi orang yang memancing kerana suka-suka seperti membuat rekod peribadi tanpa niat untuk memanfaatkan hasil tangkapan tanpa alasan yang wajar, terdapat pandangan yang menyatakan hukumnya adalah haram. Hal ini berdasarkan beberapa hujah, antaranya;

- i. Termasuk dalam hukum memburu suka-suka.
Rasulullah SAW pernah mengingatkan dengan maksudnya:

“Jangan sekali-kali menjadikan sebarang makhluk bernyawa sebagai sasaran.”

(Riwayat Muslim)

Berdasarkan hadis ini, ulama sepakat menetapkan haram memburu haiwan tanpa niat untuk memanfaatkannya sama ada dimakan, dihadiahkan dan dijual. Larangan yang sama dalam konteks ini kerana melibatkan kepada penyiksaan terhadap binatang. Penyiksaan ini dihadapi ikan dengan sia-sia hanya untuk rekod peribadi pemancing, suka-suka atau sebagainya. Tambahan pula apabila dilepaskan, tidak diketahui sama ada ikan tersebut boleh hidup atau sebaliknya (Luqman Makhtar: 2019).

- ii. Termasuk dalam perbuatan menyiksa haiwan.
Penyiksaan yang terpaksa dilalui ikan bermula dengan kesakitan terkena mata kail, bergelut melawan tarikan, sesak nafas apabila didaratkan, sakit semasa mata kail ditanggalkan sebelum ia dilepaskan semula. Hukum ini berbeza jika melibatkan kes-kes tangkap dan lepas yang lain seperti kail terkena ikan yang tidak dikehendaki seperti ikan buntal, atau saiz ikan terlalu kecil atau besar, untuk kajian, menjaga populasi ikan, mendapat arahan berbuat demikian atau sebagainya.

6. Timbang Dan Bayar

Penetapan syarat bahawa pemilik kolam membayar harga ikan yang mencapai berat tertentu kepada pemancing merupakan syarat yang mengikat pemancing yang



menafikan hak kebebasan melakukan akad. Dalam konteks ini, dapat dilihat daripada dua sudut:

- i. Pakej sewa kolam atau bayaran masuk yang rendah seperti RM3.00 dan hasil tangkapan perlu ditimbang dan dibayar mengikut berat timbangan. Konsep kolam ini juga dipanggil kolam pancing dan timbang atau bayar balik duit ikan, yang mana pemancing dikenakan yuran yang rendah dan sekiranya ingin membawa pulang hasil tangkapan, bayaran akan dikenakan berdasarkan berat ikan yang diperolehi. Pakej ini telah dibincangkan dibahagian bayaran masuk kolam.
- ii. Pakej sewa kolam atau bayaran masuk dengan bayaran tertentu contohnya RM40.00 hingga RM70.00. Setiap hasil tangkapan dalam pakej ini tidak semestinya akan menjadi milik pemancing. Ini berdasarkan pakej yang diambil oleh setiap pemancing sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini dalam konsep-konsep yang disediakan di kolam-kolam pancing berbayar. Antara contohnya ialah bagi kolam air masin, dengan bayaran RM 40.00 pemancing dibenarkan membawa balik sebanyak mana ikan yang mampu diperolehi. Terdapat juga sesetengah pengusaha kolam yang menetapkan syarat bahawa berat ikan yang melebihi 3 kilogram akan dibayar oleh pengusaha dengan harga yang tertentu bagi sekilogram berat (Syed Abdul Aziz: 2019).

CADANGAN HASIL KAJIAN

Daripada analisis hukum yang dibincangkan berkaitan beberapa aktiviti dan pakej memancing di kolam berbayar, kajian ini mencadangkan beberapa perkara-perkara berikut:

- i. Pengusaha-pengusaha kolam memancing disarankan untuk menggunakan akad *ijarah* (sewaan) sebagai akad di antara pengusaha dan pemancing bukannya akad jual beli.
- ii. Pakej-pakej yang ditawarkan harus mengambil kira elemen-elemen riba, *maisir* iaitu judi dan *gharar* sama ada dalam pertandingan, kemudahan seperti kad keahlian dan sebagainya.
- iii. Pengusaha kolam memancing tidak seharusnya mengambil peluang mengaut keuntungan daripada aktiviti hobi memancing walaupun ikan bukan lagi tujuan utama pemancing.
- iv. Pihak berwajib seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seharusnya mengeluarkan garis panduan yang jelas kepada pengusaha kolam memancing agar perniagaan yang dijalankan bukan mirip aktiviti perjudian.
- v. Pihak berwajib agama seperti JAKIM dan JAIN perlu memainkan peranan penting dengan mengeluarkan garis panduan memancing kepada pemancing



dan pengusaha kolam agar tidak terlibat dengan aktiviti-aktiviti memancing yang mengandungi elemen *gharar*, *maisir* dan *riba*.

KESIMPULAN

Memancing adalah salah satu aktiviti penerusan hidup masyarakat dahulu dan sehingga kini telah menjadi antara hobi bagi sesetengah masyarakat di Malaysia sehingga dikomersilkan dalam bentuk memancing di kolam. Kolam yang disediakan memberi ruang yang lebih mudah kepada kaki pancing untuk melaksanakan hobi mereka sebagai alternatif memancing di laut ataupun sungai. Mengomersilkan kolam pancing bukan sahaja bertujuan untuk memberi ruang kepada kaki pancing untuk melaksanakan hobi mereka, bahkan ia menjadi salah satu bentuk perniagaan yang memberi keuntungan. Pelbagai aktiviti lain dengan pakej-pakej yang menarik disediakan sama ada bentuk pertandingan dan juga pakej memancing biasa. Jumlah kolam pancing ini bertambah dengan permintaan yang bertambah daripada pelanggan atau penggemar aktiviti memancing. Justeru, pengusaha kolam memancing berbayar seharusnya menyediakan aktiviti dan pakej-pakej memancing yang tidak bertentangan dengan syarak untuk menarik minat pemancing hadir ke kolam mereka. Aspek syarak perlu diperhatikan dalam setiap aktiviti yang dilaksanakan agar tidak melanggar batasan agama sehingga melibatkan elemen perjudian, *gharar* (ketidapastian) dan seumpamanya.

RUJUKAN

- Abdul Somad. 2018. Pautan <https://www.youtube.com/watch?v=jDGMIWHCj-8>. Tarikh akses 19 Jun 2020.
- Al-Nawawi. 2010. Al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab. Kaherah: al-Maktabah al-Taufiqiyah
- Amang. 2018. <https://www.umpan.com.my/teknik-menipu-dalam-pertandingan-memancing/>. Tarikh akses 21 September 2019.
- Amang. 2021. Laman sesawanag <https://www.umpan.com.my/cara-persembahan-umpan-hidup-memancing-tenggiri/>. Tarikh akses 25 Julai 2021
- Artikel 103, Majallah al-Ahkam al- 'Adliyyah.
- Asri Zainal Abidin. 2016. Pautan https://youtu.be/rCd4QKjhx_l. Tarikh akses 18 jun 2020.
- Azhar Idrus. 2012. Pautan <https://youtu.be/wHjOdyXbcDQ>. Tarikh akses 18 Jun 2020.
- Fedler, A. J. & Ditton, R. B.1994. Understanding angler motivations in fisheries management. Fisheries, 19 (4).



Izharuddin Shah Kamruddin. 2019. Laman sesawang
<https://www.hmetro.com.my/santai/2019/09/500696/ragam-pemancing>. Tarikh akses 14 September 2021.

Laman sesawang <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/15842>. Tarikh akses 21 September 2019.

Laman sesawang <http://www.hadirofee.com/hukum-memancing-di-kolam-berbayar.html>. Tarikh akses 22 September 2019.

Laman sesawang <http://www.islam.gov.my/rujukan/garis-panduan/109-garis-panduan-peraduan-berasaskan-hadiah>. Tarikh akses 22 September 2019.

Laman sesawang <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/1209-al-kafi-284-yuran-pertandingan-sebagai-hadiah>. Tarikh akses 22 September 2019.

Kementrian Wakaf dan Urusan Islam Kuwait, Al-Mausu'ah Al-Fiqhiyah AlKuwaitiyah, Kuwait: Kementrian Wakaf dan Urusan Islam Kuwait , 1427 H/2006 M

Laman sesawang <http://e-smaf.islam.gov.my/>. Tarikh akses 19 Jun 2020.

Laman sesawang http://kemusykilan.islam.gov.my/index_jawapan.php?ids=108892&q=. Tarikh akses 25 Februari 2021.

Laman sesawang <http://www.islam.gov.my/>. Tarikh akses 21 Jun 2020.

Laman sesawang <https://muftiwp.gov.my/>. Tarikh akses 19 Jun 2020.

Laman sesawang <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/860-irsyad-al-fatwa-ke-194-hukum-mencucuk-umpan-hidup-di-mata-kail-dan-kaitannya-dengan-anak-sumbing>. Tarikh akses 25 Februari 2021.

Luqman Makhtar (2019). Laman sesawang
<https://luqmanmakhtar.com/2019/09/02/hukum-memancing-4-guna-umpan-hidup/>. Tarikh akses 25 Februari 2021.

M. Abdul Wahab. 2019. Pautan <https://youtu.be/1vPHuKY7Gfk>. Tarikh akses 18 jun 2020.

Paris Siswok, Pramonowibowo dan Aristi Dian Purnama Fitri. 2013. *Pengaruh Perbedaan Jenis Umpan Dan Mata Pancing Terhadap Hasil Tangkapan Pada Pancing Copping (Hand-line) Di Daerah Berumpon Perairan Pacitan, Jawa Timur*. Journal of Fisheries Resources Utilization Management and Technology .Volume 2, No. 1.

Umar Mukhtar. 2017. Laman sesawang <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/860-irsyad-al-fatwa-ke-194-hukum-mencucuk-umpan>



hidup-di-mata-kail-dan-kaitannya-dengan-anak-sumbing. Tarikh akses 25
Februari 2021.

Yahya. 2018. Pautan <https://youtu.br/sn2nnfpGQcM>. Tarikh akses 18 jun 2020.

Temubual

Temubual Abdul Aziz Syed Zainal. Tarikh 16 September 2019

Temubual Tazarul Tamsir. Tarikh 18 Februari 2020.

Temubual Zulkifli Misrak. Tarikh 29 Februari 2020